

## Potensi Wakaf Tunai Dalam Pendidikan Digital: Isu Dan Kekangan Utama Dalam Tempoh Pandemik Covid-19

### *[The Potential of Cash Waqf in Digital Education: Key Issues and Main Challenges During the Covid-19 Pandemic]*

**Mardziah Mohd Isa** (Corresponding author)

*Department of Muamalat and Islamic Finance, Faculty of Islamic Studies, Universiti Islam Antarabangsa Tuanku Syed Sirajuddin (UniSIRAJ), 02600 Perlis, Malaysia,  
mardziah@kuiips.edu.my*

**Nur Syaedah Kamis**

*Department of Muamalat and Islamic Finance, Faculty of Islamic Studies, Universiti Islam Antarabangsa Tuanku Syed Sirajuddin (UniSIRAJ), 02600 Perlis, Malaysia,  
syaedah@kuiips.edu.my*

**Nur Syamilah Md Noor**

*Department of Muamalat and Islamic Finance, Faculty of Islamic Studies, Universiti Islam Antarabangsa Tuanku Syed Sirajuddin (UniSIRAJ), 02600 Perlis, Malaysia,  
nsyamilah@kuiips.edu.my*

*Article  
Progress:*

#### **ABSTRACT**

*Submission date:  
1 Dec 2024  
Accepted date:  
20 Dec 2024*

*This study discusses the primary constraints in digital education in the State of Perlis during the COVID-19 pandemic, focusing on secondary school students from the B40 group. Although the country has transitioned into the endemic phase, empowerment of digital education remains crucial in developing a tech-savvy generation capable of competing globally. The study adopts a descriptive design, measuring the key challenges faced by Bottom 40% (B40) secondary school students in Perlis during Home-Based Teaching and Learning (PdPr) from the teacher's perspectives. A digital questionnaire was used as the research instrument. The estimated sample size is 330 secondary school teachers from 45 schools in Perlis. The findings show that the level of constraints in digital education is moderate, as many students lack the necessary electronic devices and face weak internet connectivity which impedes their ability to effectively participate in PdPr. Additionally, the study explores the potential of cash waqf as an initiative to address these issues. Cash waqf contributions can be utilized to fund educational equipment, helping B40 student's access quality education. The potential of cash waqf aligns with the Sustainable Development Goals (SDGs) introduced by the Malaysian government which aims to ensure that no students is left behind in the digital learning proses. The outcomes of this study provide valuable guidance for stakeholders such as the State Islamic Religious Councils (SIRC), the Ministry of Education*

*Malaysia (MOE), the Malaysian Communications and Multimedia Commission (MCMC) as well as parents and teachers to collaborate in alleviating the burden faced by B40 students in accessing digital education in Malaysia's globalized education landscape.*

*Keywords: digital education, B40 students, Perlis, cash waqf in digital education.*

## PENGENALAN

Wakaf tunai bererti suatu pemberian wang tunai kepada entiti pengurusan yang sah untuk dikumpulkan dan dijadikan modal bagi menukar dana kepada harta kekal atau membiayai aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan wakaf. Kaedah ini adalah praktikal kerana pemilikan mutlak bersifat kekal seperti hartanah dalam kalangan masyarakat Islam di Malaysia adalah berkurangan. Ini telah menyebabkan berlakunya kekangan keupayaan dan kemampuan berwakaf (Azri Ahmad, 2009). Wakaf tunai juga merujuk kepada pembekuan sejumlah wang secara kekal dan manfaatnya diserahkan untuk tujuan kebajikan umum. Istilah wakaf tunai juga merujuk kepada kecairan atau tunai dalam bentuk yang lain seperti saham syarikat, wakaf *takaful*, wakaf tunai korporat dan lain-lain (Mohsin, 2009).

Pembekuan yang dimaksudkan merujuk kepada usaha untuk mengekalkan jumlah tunai tersebut dan pada masa yang sama pihak pengurus kepada harta wakaf tersebut perlu berusaha untuk mengembangkannya bagi memastikan manfaat harta itu dapat dinikmati secara berterusan dan menyeluruh oleh masyarakat umum. Unsur yang membezakan wakaf tunai dengan wakaf harta yang biasa ialah daripada aspek aset yang diwakafkan dan berbentuk tunai, bukannya harta seperti tanah, bangunan dan sebagainya. Jika harta berbentuk tetap (*al-'iqar*) seperti tanah dan bangunan dapat dibuktikan status kekalnya secara semulajadi atau melalui status perundangan seperti geran, namun bagi wakaf tunai pula, elemen kekal dapat direalisasikan melalui penukaran tunai tersebut kepada harta kekal yang mampu untuk diwakafkan (Rahim. A. et. al, 2015; Muhamad Asni, & Sulong, J., 2017).

Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) mentakrifkan wakaf tunai sebagai mewakafkan wang tunai kepada mana-mana pemegang amanah wakaf, di mana wang

modalnya dikekalkan kepada penerima wakaf (*mauquf alaih*). Para fuqaha salaf menggunakan istilah wakaf wang dirham dan wang dinar (*waqf al-darahim waqf al-dananir*). Wang-wang tersebut akan dikumpulkan dan kemudiannya ditukarkan kepada harta kekal yang dinamakan badal. Manfaat hasil wakaf tunai tersebut akan digunakan untuk kebajikan dan pembangunan ummah (JAWHAR, 2009).

Oleh itu, kutipan wang tunai yang disalurkan oleh pemberi wakaf tunai yang mana akan dilaburkan dan pulangan atau manfaat daripada pelaburan akan digunakan bagi tujuan pembiayaan aktiviti kebajikan berkaitan dengan pendidikan. Dana wakaf yang terkumpul tersebut akan dipindahkan dalam bentuk kepada aset kekal merangkumi objektif pendidikan mengikut kesesuaian dan peraturan yang digunapakai dan manfaat yang dihasilkan akan digunakan untuk tujuan pendidikan seperti berikut:

- i. Membiayai pembelian alat-alat pendidikan untuk kebajikan masyarakat.
- ii. Membiayai belian peralatan atau pakaian untuk murid-murid yang kurang berkemampuan.
- iii. Membiayai kos ubah suaian atau tambah kemudahan pendidikan di mana-mana pusat pendidikan yang bersesuaian.
- iv. Membantu membiayai kos pendidikan yang diperlukan.

Secara amnya, pendidikan adalah suatu sektor yang penting dalam meningkatkan kemajuan negara. Dengan adanya wakaf pendidikan melalui wakaf tunai ini khususnya, ia boleh menjadi salah satu instrumen jangka panjang yang boleh meningkatkan tahap pendidikan negara dengan menghasilkan masyarakat yang berpengetahuan tinggi dan juga memiliki kebebasan dalam pembangunan intelektual. Ini juga dapat memajukan pendidikan umat Islam khususnya dan seterusnya dapat melahirkan golongan yang berpendidikan dalam aktiviti wakaf dan menarik minat mereka untuk menceburi aktiviti wakaf ini.

## Hukum Wakaf Tunai

Menurut pendapat jumhur ulama, wakaf boleh dibuat sama ada terhadap harta tak alih (*aqar*) seperti tanah, bangunan dan sebagainya atau harta alih (*manqul*) seperti pakaian, peralatan pertanian, buku-buku, haiwan dan sebagainya. Sebaliknya mengikut pendapat Abu Hanifah, harta yang hendak diwakafkan itu hendaklah bersifat kekal iaitu tak alih. Walaubagaimanapun, Abu Hanifah membolehkan perbuatan berwakaf terhadap harta alih sebagai pengecualian hukum yang bertentangan dengan hukum asal (*khilaf al-asl*), iaitu:

- a) Harta alih itu hendaklah merupakan sebahagian daripada harta tak alih iaitu sama ada ia sentiasa bersambung teguh dan tetap dengan harta tak alih seperti bangunan dan pokok-pokok atau harta alih itu khusus digunakan untuk menguasai harta tak alih seperti peralatan membajak dan sebagainya.
- b) Jika terdapat hadis yang membolehkan perbuatan berwakaf terhadap harta-harta alih seperti senjata perang, lembing, binatang untuk peperangan dan sebagainya, dan
- c) Apabila berlaku hukum adat (*urf*) yang membenarkan harta alih itu diwakafkan seperti buku dan kitab Al-Quran.

Seterusnya, bagi wakaf wang tunai atau wakaf dirham dan dinar, terdapat sebahagian ulama yang mengharuskan wakaf tunai seperti berikut:

- a) Mazhab Maliki dan sebahagian daripada ulama mazhab Shafie mengharuskan wakaf harta alih tanpa disyaratkan kekal fizikalnya. Mazhab Maliki juga berpendapat bahawa harta wakaf dengan menggunakan wang tunai seperti yang telah disebutkan dalam kitab *Muqaddimah Ibu al-Rushd al-Ka'bi* kerana bagi mazhab Maliki, tujuan asal berwakaf itu adalah untuk mendapat manfaat daripada harta tersebut.
- b) Golongan *Mutaqaddimin* dari ulama mazhab Hanafi membolehkan wakaf wang dinar dan dirham sebagai pengecualian atas dasar *Istihsan Bil al-Urfi*. Pandangan ini sesuai dengan hadis Rasulullah S.A.W yang diriwayatkan oleh Abdullah b. Mas'ud maksudnya:

*“Apa yang dipandang baik oleh kaum muslimin, maka ia juga dipandang baik di sisi Allah.”*

- c) Imam Al-Zuhri mengharuskan berwakaf dengan menggunakan wang tunai (dirham atau dinar) di mana wang tersebut dijadikan modal usaha kemudian menyalurkan keuntungan sebagai manfaat wakaf.
- d) Jawatankuasa Majlis Fatwa Kebangsaan bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia Kali ke-77 yang bersidang pada 10 hingga 12 April 2007 di Kuala Terengganu telah memutuskan bahawa berwakaf dalam bentuk wang tunai adalah dibolehkan dalam Islam; dan
- e) *Jumhur fuqaha* mengharuskan wakaf harta alih selama mana ia adalah benda yang bersifat kekal. Ini bertepatan dengan wang kerana ia termasuk di dalam kategori harta alih. Dr. Mahmud Abu Lail dan Dr. Muhammad Abdul Rahim membuat Kesimpulan bahawa wakaf wang diharuskan sama ada untuk memberi pinjaman atau membuat pelaburan atau membahagikan pulangan kepada penerima wakaf. Keharusannya dilihat akan mengembangkan lagi institusi wakaf dan memperbanyakkan lagi cabang-cabangnya. Selain itu, ia juga sesuai dengan urf semasa dan kefleksibelan *fiqh*.

### **Wakaf Dalam Pendidikan Digital**

Amalan wakaf telah lama diamalkan di Tanah Melayu khususnya sejak kedatangan Islam pada akhir abad ke-19 hingga awal abad ke-20 (Daud, M. Z. et al, 2023). Wakaf dalam bidang pendidikan memainkan peranan penting termasuk wakaf untuk asrama pelajar, biasiswa, prasarana, bangunan pendidikan dan alat pembelajaran seperti buku serta perabot. Sumbangan ini membantu membangunkan infrastruktur pendidikan dan menyediakan sokongan kewangan kepada pelajar, sekaligus memperkuat sistem pendidikan di Malaysia ketika itu. Tradisi ini terus relevan sebagai instrumen untuk memperkasakan masyarakat melalui pendidikan.

Walau bagaimanapun, pada tahun 2020 negara Malaysia dikejutkan dengan penularan pandemik COVID-19 yang telah mengubah kaedah PdP pendidikan negara kepada digital dalam keadaan para guru dan murid tidak bersedia untuk menjalankan PdP dari rumah secara digital (Saadiyah Ismail, 2021). Sistem pendidikan digital yang

berteraskan PdP secara dalam talian telah menyebabkan para pelajar perlu memiliki peralatan pembelajaran seperti komputer riba, telefon bimbit, mesin pengimbas, mesin pencetak dan langganan jaringan jalur lebar. Namun, ianya menjadi halangan kepada para pelajar yang tidak berkemampuan terutama golongan B40 untuk memiliki peralatan tersebut dan akhirnya mereka akan tercicir dalam pembelajaran.

Sebanyak 90% pelajar di negeri-negeri yang berdepan dengan isu kemiskinan seperti Kelantan, Kedah, dan Sabah dilaporkan tidak memiliki komputer riba untuk tujuan pembelajaran. Perlis turut mengalami kesan negatif akibat peningkatan kadar kemiskinan, terutama dalam kalangan Ketua Isi Rumah (KIR), kesan daripada pandemik COVID-19 serta penetapan baru paras Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK). Berdasarkan data terkini daripada sistem e-Kasih sehingga Julai 2022, terdapat 3,992 KIR Miskin Tegar di Perlis, manakala jumlah KIR Miskin pula mencapai 8,117 orang (BH Online, 2020). Kekurangan peranti pembelajaran sewaktu pelaksanaan pendidikan digital sepenuhnya dari rumah telah menjadi penghalang utama dalam proses PdP (Rahim, 2021). Selain itu, masalah capaian internet yang lemah juga menyukarkan pelaksanaan PdP secara dalam talian (Abdul Rashid & Narowi, 2021; Ahmad et al., 2022).

Para pelajar didapati kurang bersedia untuk melaksanakan pembelajaran secara digital disebabkan oleh ketidakseimbangan capaian internet yang berpunca daripada perbezaan lokaliti, serta ketiadaan kemudahan asas seperti telefon pintar dan komputer riba. Keterbatasan ini bukan sahaja mengurangkan minat pelajar terhadap pembelajaran digital, malah kos yang tinggi untuk membeli peranti dan mendapatkan akses internet juga menjadi penghalang utama (Ismail et al., 2022). Seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 1, kaedah PdP terkini turut memberi cabaran besar kepada pelajar, khususnya dalam mendapatkan capaian internet yang stabil serta peranti yang sesuai untuk sesi pengajaran, terutamanya bagi pelajar sekolah menengah. Kekurangan ini menghadkan interaksi pelajar dengan rakan sekelas dan guru, yang akhirnya boleh mengakibatkan rasa bosan dan tekanan. Akibat tekanan tersebut, pelaksanaan PdPr mendapat sambutan yang rendah dari segi kehadiran pelajar, selain prestasi akademik yang tidak memuaskan.

Tidak semua pelajar berkemampuan untuk memiliki kemudahan gajet yang canggih serta mempunyai capaian jaringan internet yang baik bagi membolehkan mereka mengikuti sesi pembelajaran secara dalam talian ini. Jadual 1 menunjukkan ralat piawai relatif bagi anggaran peratusan capaian perkhidmatan dan peralatan ICT oleh isi rumah mengikut strata, Malaysia 2023 bagi kawasan luar bandar lebih rendah berbanding dengan kawasan bandar. Penduduk di kawasan luar bandar tidak berupaya untuk menggunakan teknologi digital disebabkan kekurangan akses alat peranti elektronik seperti telefon pintar, komputer riba, tablet dan komputer peribadi.

| Perkhidmatan dan peralatan ICT | Peratusan capaian ICT oleh isi rumah |        |             | Ralat piawai bagi anggaran (%) |        |             |              |        |             | Peratusan capaian ICT oleh isi rumah pada 95% selang keyakinan |        |             |
|--------------------------------|--------------------------------------|--------|-------------|--------------------------------|--------|-------------|--------------|--------|-------------|----------------------------------------------------------------|--------|-------------|
|                                |                                      |        |             | Nilai relatif                  |        |             | Ralat piawai |        |             |                                                                |        |             |
|                                | Malaysia                             | Bandar | Luar bandar | Malaysia                       | Bandar | Luar bandar | Malaysia     | Bandar | Luar bandar | Malaysia                                                       | Bandar | Luar bandar |
| Internet                       | 96.4                                 | 98.4   | 89.8        | 0.1                            | 0.1    | 0.3         | 0.1          | 0.1    | 0.3         | 96.2                                                           | 98.2   | 89.2        |
|                                |                                      |        |             |                                |        |             |              |        |             | -                                                              | -      | -           |
|                                |                                      |        |             |                                |        |             |              |        |             | 96.6                                                           | 98.6   | 90.3        |
| Komputer                       | 91.6                                 | 94.2   | 82.8        | 0.2                            | 0.2    | 0.4         | 0.2          | 0.2    | 0.4         | 91.2                                                           | 93.8   | 82.1        |
|                                |                                      |        |             |                                |        |             |              |        |             | -                                                              | -      | -           |
|                                |                                      |        |             |                                |        |             |              |        |             | 91.9                                                           | 94.6   | 83.5        |
| Telefon bimbit                 | 99.3                                 | 99.6   | 98.4        | 0.1                            | 0.1    | 0.1         | 0.1          | 0.1    | 0.1         | 99.2                                                           | 99.5   | 98.2        |
|                                |                                      |        |             |                                |        |             |              |        |             | -                                                              | -      | -           |
|                                |                                      |        |             |                                |        |             |              |        |             | 99.4                                                           | 99.7   | 98.6        |

Jadual 1: Ralat piawai relatif bagi anggaran peratusan capaian perkhidmatan dan peralatan ICT oleh isi rumah mengikut strata, Jabatan Perangkaan Malaysia 2023

Sehubungan itu, kesan daripada pandemik COVID-19 telah menyebabkan pendidikan negara berubah dengan pelaksanaan Dasar Pendidikan Digital (DPD) yang diperkenalkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) bertujuan melahirkan generasi yang fasih digital dan berdaya saing di era teknologi. Hal ini telah mendorong penglibatan rakan strategik sebagai pemangking kepada inovasi dan tranformasi digital dalam pendidikan di sekolah, rumah dan seluruh ekosistem pendidikan. Tambahan lagi, sistem pendidikan digital yang berteraskan pembelajaran dan pengajaran secara dalam talian telah menyebabkan para pelajar perlu memiliki peralatan pembelajaran seperti komputer riba, telefon bimbit, mesin pengimbas, mesin pencetak dan langganan jaringan jalur lebar. Akan tetapi, ianya menjadi penghalang kepada para pelajar yang tidak berkemampuan untuk memiliki kemudahan tersebut dan mengalami keciciran dalam pembelajaran. Oleh itu, DPD dan konsep wakaf mempunyai potensi besar untuk saling melengkapi dalam membantu para pelajar di Malaysia. Wakaf sebagai instrumen filantropi boleh memainkan peranan penting dalam menyokong keperluan pelajar melalui penyediaan infrastruktur digital dan peranti pembelajaran. Dengan bantuan wakaf, pelajar daripada golongan kurang berkemampuan boleh mendapat akses kepada kemudahan teknologi, seterusnya memperkukuhkan pelaksanaan DPD dan memperluas impaknya kepada lebih ramai pelajar.

Selain itu, pendidikan digital merujuk kepada proses pembelajaran yang melibatkan pengetahuan, kemahiran dan nilai yang berkaitan dengan teknologi digital. Pendidikan digital ini merangkumi kaedah pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang menggunakan teknologi digital secara bersepadu, kreatif dan inovatif. Tujuannya adalah untuk melahirkan generasi yang fasih dalam menggunakan teknologi digital dalam pelbagai aspek kehidupan terutama sekali dalam aspek pendidikan. Pendidikan ini membolehkan pelajar memahami dan memanfaatkan teknologi secara efektif serta membantu mereka mengembangkan kemahiran abad ke-21 seperti pemikiran kritis, penyelesaian masalah dan kerjasama.

Kajian yang dijalankan oleh Edeh et al. (2020) menekankan bahawa kekurangan infrastruktur pembelajaran boleh menjejaskan aktiviti PdP dalam talian. Ini menunjukkan bahawa dana yang besar sangat diperlukan untuk mempertingkatkan

kualiti dan prasarana pembelajaran yang kondusif. Oleh itu, proses pembelajaran ini bergantung sepenuhnya kepada peruntukkan kerajaan untuk pendidikan dalam jangka panjang bukanlah penyelesaian yang mampan. Isu global seperti pandemik COVID-19, ketidaktentuan ekonomi dan Revolusi Industri 4.0 menjejaskan kesinambungan pembiayaan pendidikan. Perubahan besar seperti pelaksanaan pendidikan digital dan PdPr turut meningkatkan kos pendidikan (Haziyah et al. 2021). Justeru itu, wujud keperluan untuk dana alternatif seperti wakaf bagi memastikan pendidikan berkualiti dapat diteruskan. Ini sangat penting agar sistem pendidikan negara kekal berdaya saing dan mampu menghadapi cabaran masa depan dengan lebih berkesan.

Selain itu, isu banjir yang telah melanda beberapa kawasan di Malaysia telah menyebabkan beberapa institusi pendidikan di bawah KPM turut terjejas. Untuk memastikan kelangsungan pembelajaran, pihak KPM telah mengambil inisiatif dengan menggunakan kaedah PdPr bagi sekolah-sekolah yang tidak dapat beroperasi secara fizikal (Berita Harian, September 2024). Oleh itu, kekangan yang amat dibimbangi adalah kerana tidak semua pelajar mempunyai kelengkapan mencukupi untuk mengikuti PdPr dan terpaksa berkongsi gajet bersama saudara yang lain ataupun hanya boleh mengikuti kelas pada waktu malam. Perspektif para guru boleh dijadikan bukti untuk menjelaskan permasalahan yang menyebabkan proses pembelajaran dan pengajaran secara dalam talian tidak berhasil sepenuhnya dan tidak dapat memberikan kesan positif kepada pelajar. Oleh itu, kajian ini dibuat untuk mengukur tahap kekangan utama yang dialami oleh pelajar sekolah menengah B40 di negeri Perlis semasa PdPr dan pandangan guru kerana guru adalah *sample* terbaik untuk mendapatkan persepsi yang lebih bersifat holistik dan mampu untuk dijadikan rujukan yang lebih efektif dalam bidang ini.

## KAJIAN LITERATUR

Kajian yang dijalankan oleh Cahyono dan Hidayat (2022) menyatakan bahawa wakaf tunai menawarkan mekanisme yang inovatif dalam mengumpulkan dana melalui pelaburan patuh syariah, di mana hasilnya digunakan untuk membiayai kemudahan sosial seperti pendidikan dan kesihatan. Manakala menurut Aldeen, Ratih dan Herianingrum (2020) pula menekankan potensi besar wakaf tunai dalam menangani

cabaran sosio ekonomi khususnya di Malaysia. Kajian mereka mendapati bahawa wakaf tunai dapat menyumbang kepada usaha membasmi kemiskinan dan memperbaiki ketidaksamaan sosial dengan penekanan kepada pengurusan yang lebih baik dan sistematik dengan mengintegrasikan teknologi digital dalam memperkasakan kutipan dan pengagihan wakaf. Selain itu, wakaf tunai perlu diurus dengan baik untuk memastikan manfaatnya berterusan kepada penerima, terutamanya melalui pelaburan dalam bentuk *mudarabah* (perkongsian keuntungan) atau *qard hasan* (pinjaman tanpa faedah) supaya dana wakaf dapat terus memberikan impak sosial yang positif (Sulaiman et al. 2019 & Mohsin, 2014).

Rahman (2018) pula menggariskan peranan penting fatwa-fatwa yang dikeluarkan oleh Majlis Fatwa Kebangsaan Malaysia dalam membenarkan penggunaan wakaf tunai. Fatwa ini telah membuka jalan bagi pelaksanaan wakaf tunai di Malaysia sebagai salah satu instrumen dalam sektor pendidikan. Ini disokong oleh kajian Aliyu (2019) yang menekankan potensi wakaf tunai sebagai instrumen penting dalam membasmi kemiskinan melalui integrasi dengan instrumen kewangan Islam lain seperti pembiayaan mikro. Ini membolehkan golongan miskin mendapat akses kepada pembiayaan yang lebih mudah.

Tambahan lagi, merujuk Jadual 2, dapatan Analisis Literatur Sistematis atau secara menyeluruh menjelaskan bahawa kekangan utama dalam PdPr adalah pelajar mempunyai masalah untuk mengakses capaian internet dan ketiadaan peranti elektronik. Ini kerana capaian internet yang lemah menyebabkan sesi pengajaran dan pembelajaran akan terganggu. Menurut kajian Hafiy & Narowi (2021), kebolehcapaian internet yang bagus merupakan faktor utama kelancaran dalam melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran dalam talian. Ini disokong oleh Ahmad et al., (2021) yang menjelaskan bahawa tidak semua pelajar bersedia untuk menghadapi PdPr kerana wujudnya ketidakseimbangan peluang akibat lokaliti pelajar berbeza-beza dan tiada peralatan seperti telefon atau komputer riba. Terdapat pelajar yang tinggal di kawasan pedalaman yang sangat terbatas daripada segi akses internet yang menjadi kekangan utama mereka untuk menyertai pengajaran dan pembelajaran dengan baik.

Selain itu, terdapat kajian yang menunjukkan pelajar kurang berminat dengan pengajaran dan pembelajaran dari rumah disebabkan penggunaan aplikasi atas talian yang memerlukan penggunaan data yang agak tinggi bagi semua subjek yang terlibat (Tawyer et al., 2021). Hal ini agak menyukarkan pelajar kerana terpaksa membelanjakan kos yang agak tinggi untuk tujuan capaian internet (Ismail et al., 2020). Walau bagaimanapun, dapatan kajian ada menyatakan bahawa guru, ibu bapa dan pelajar lebih selesa menggunakan aplikasi *Google Meet*, *WhatsApp* atau *Telegram* dalam menyampaikan maklumat antara satu sama lain kerana lebih mudah dan pantas. Satu kajian yang dijalankan oleh Rajak et al., (2021) mendapati pelajar-pelajar haruslah bersedia daripada awal sebelum mengikuti pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPr) terutamanya dalam capaian internet samada data selular (*cellular data*), internet WiFi (*home WiFi*), jalur lebar (*broadband*) dan WiFi awam (*public WiFi*). Ini bagi memastikan para pelajar dapat meningkatkan kefahaman pembelajaran pada tahap maksimum serta tidak ketinggalan dalam pelajaran.

Di samping itu, kekangan lain yang ditekankan dalam dapatan kajian adalah para pelajar tidak mencapai tahap pemahaman yang optimum semasa proses pembelajaran dijalankan. Ini adalah cabaran bagi para guru untuk mempelbagaikan pedagogi yang berbeza (*Differentiated Pedagogy*) kepada pelajar bagi melaksanakan PdPr dalam talian. Menurut Mustaffa et al. (2021), pedagogi terbeza merupakan satu bentuk pedagogi terkini yang perlu diamalkan untuk memenuhi keperluan pembelajaran murid yang mempunyai tahap penguasaan pelbagai aras bagi memperoleh proses pembelajaran bermakna di dalam kelas tanpa rasa terpinggir. Antara masalah lain yang dihadapi adalah dalam kalangan guru veteran yang terpaksa menerima dan mempelajari pelbagai aplikasi teknologi baharu dalam pengajaran dan pembelajaran atas talian (A. Rashid & Narowi, 2021). Ini disokong oleh Kuppan & M. Said (2022) menjelaskan bahawa para guru dan pelajar kerap menggunakan *Google Meet*, *Telegram* dan *WhatsApp* sebagai medium pengajaran yang lebih mudah untuk dipelajari. Namun begitu, para pelajar lebih memilih medium *Telegram* kerana pakej data internet yang lebih rendah (Afeeqah & Jasmy, 2017). Ini selari dengan pandangan daripada para guru menyatakan bahawa mereka juga lebih selesa dan mudah untuk menggunakan medium *Telegram* atau

*Google Meet* semata-mata hanya ingin memastikan para pelajar dapat mengikuti kelas yang dijalankan tanpa ada keciciran (Pulong & Awang, 2023).

Namun, terdapat juga pelajar lengkap memiliki gajet tetapi tidak mempunyai masa, ruang dan sokongan moral untuk terlibat secara optimum untuk pengajaran dan pembelajaran dalam talian. Ini kerana, para pelajar perlu mempunyai ruang belajar yang sesuai untuk terus aktif, konsisten dan interaktif dalam pengajaran dan pembelajaran dalam talian (Ahmad & M. Yusof, 2021). Ini bertepatan dengan kajian oleh Tawyer et al., 2021 yang menekankan bahawa pelajar tidak dapat memberikan perhatian terhadap pengajaran disebabkan oleh pengajaran dan pembelajaran di rumah ada gangguan seperti bunyi bising dan tiada persekitaran yang kondusif. Tambahan lagi, dapatan kajian daripada perspektif guru yang menyatakan bahawa pelajar kurang interaksi antara guru dan pelajar yang menyebabkan proses pengajaran dan pembelajaran dalam talian kurang berkesan. Dapatan kajian ini disokong oleh Abdullah & Amran (2021) yang menyatakan bahawa masalah komunikasi menyebabkan guru tidak dapat mengetahui tahap pemahaman atau permasalahan yang dihadapi oleh pelajar. Interaksi di alam maya sangat berbeza dengan bersemuka yang kadang kala disalahguna oleh para pelajar. Kesannya, para pelajar tidak dapat memahami pelajaran yang dipelajari dengan jelas.

Kekangan seterusnya adalah pelaksanaan PdPr ini telah menyebabkan tahap motivasi dalam kalangan pelajar semakin menurun disebabkan ramai ibu bapa yang tidak memberikan perhatian dan sokongan kepada anak-anak. Ramai ibu bapa yang amat sibuk dengan urusan kerja dan menyebabkan kurang dalam memberikan motivasi yang cukup untuk anak-anak bagi meneruskan pembelajaran dalam talian. Ini disokong oleh Abdullah & Amran (2021) yang menjelaskan bahawa pelajar tidak memberikan komitmen sepenuhnya terhadap kehadiran ke kelas secara dalam talian semasa pandemik COVID-19 di Malaysia. Sekiranya pelajar kerap ponteng ke kelas akan menyebabkan pelajar kurang motivasi dalam pembelajaran. Hal ini akan melemahkan kegiatan belajar dan menyebabkan mereka tiada tujuan dalam mencapai sesuatu. Oleh itu, peranan ibu bapa sangat penting dalam menyokong anak-anak supaya mereka lebih bersemangat dan bersedia mengadaptasi norma baharu dalam proses pembelajaran mereka. Selain itu, tahap penguasaan sebahagian pelajar terhadap penggunaan aplikasi

dalam talian juga agak lemah. Ini memberi kesan kepada pelajar untuk tidak fokus dan kurang berminat terhadap pembelajaran yang diajar (Tawyer et al., 2021). Bagi pelajar yang mempunyai masalah capaian internet juga akan menyebabkan mereka akan kurang motivasi untuk belajar kerana tidak dapat menyertai kelas yang dijalankan terutamanya bagi pelajar yang tinggal di kawasan pedalaman.

Jadual 2: Analisis Literatur Sistemik (SLR)

| No. | Pengkaji                                | Perspektif<br>(Guru/Pelajar) | Kekangan/Cabaran PdPR                                                                                         |
|-----|-----------------------------------------|------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 1.  | Abdul<br>Rashid dan<br>Narowi<br>(2021) | guru                         | 1. Faktor umur Guru                                                                                           |
|     |                                         |                              | 2. Ketiadaan peralatan elektronik atau peranti.                                                               |
|     |                                         |                              | 3. Kebolehcapaian internet yang lemah.                                                                        |
|     |                                         |                              | 4. Pengendalian praktikal ibadah dan tasmik al- Quran kerana ia memerlukan proses penilaian secara bersemuka. |
|     |                                         |                              | 5. Guru tetap memilih kaedah secara bersemuka sebagai kaedah utama dalam pengajaran.                          |
| 2.  | Abdullah<br>dan Amran<br>(2021)         | guru                         | 1. Tiada motivasi yang cukup untuk pelajar meneruskan pembelajaran atas talian.                               |
|     |                                         |                              | 2. Interaksi dua hala antara murid dan guru masih belum cukup                                                 |
|     |                                         |                              | 3. Talian Internet yang lemah membantutkan proses pembelajaran murid pendalaman.                              |

|    |                             |         |                                                                                                       |
|----|-----------------------------|---------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------|
|    |                             |         | 4. Masalah alat telekomunikasi membantutkan proses pembelajaran murid pendalaman.                     |
| 3. | Hj. Ag. Ahmad et al. (2021) | guru    | 1. Guru sukar menilai pelajar praktikal/amali dengan tepat.                                           |
|    |                             |         | 2. Guru sukar menilai integriti pelajar.                                                              |
|    |                             |         | 3. Keberadaan pelajar yang kurang memberangsangkan semasa pembelajaran dalam talian                   |
| 4. | Kamaruddin dan Amir (2021)  | guru    | 1. Guru tidak bersedia menghadapi pembelajaran dalam talian                                           |
| 5. | Rajak et al. (2021)         | pelajar | 1. Capaian internet pada tahap sangat lemah                                                           |
|    |                             |         | 2. Kehadiran kelas secara virtual (maya) membuatkan murid-murid kurang fokus ketika sesi pembelajaran |
|    |                             |         | 3. Kurangnya sokongan daripada ibu bapa kepada murid-murid yang lemah dalam mata pelajaran            |
|    |                             |         | 4. Penjadualan tidak sesuai                                                                           |
| 6. | Sapian et al. (2021)        | guru    | 1. Guru kurang pengetahuan dan kemahiran penggunaan pembelajaran dalam talian.                        |
|    |                             |         | 2. Kesediaan murid dalam pembelajaran secara dalam talian berada pada tahap sederhana.                |
|    |                             |         | 3. Masalah kehadiran murid dalam kelas membawa kepada ketinggalan pembelajaran                        |

|     |                                 |                  |                                                                                                                          |
|-----|---------------------------------|------------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 7.  | Tawyer et al. (2021)            | pelajar          | 1. Tahap penggunaan internet kurang mahir                                                                                |
| 8.  | Faiz Zuarimi dan Muhamad (2022) | guru dan pelajar | 1. Masalah capaian internet yang lemah di kawasan pendalaman                                                             |
|     |                                 |                  | 2. Tahap motivasi pelajar lemah dalam komunikasi                                                                         |
|     |                                 |                  | 3. Tiada Peranti yang bersesuaian dengan pembelajaran                                                                    |
| 9.  | Fong Peng dan Jamaludin (2022)  | pelajar          | 1. Kekurangan peranti                                                                                                    |
|     |                                 |                  | 2. Kekangan capaian Internet                                                                                             |
|     |                                 |                  | 3. Lokasi pembelajaran yang tidak kondusif.                                                                              |
| 10. | Hazizul Hasan et al. (2022)     | pelajar          | 1. Cabaran pedagogi kebanyakannya dikaitkan dengan ketidakcekapan pensyarah dan pelajar dalam kemahiran digital.         |
|     |                                 |                  | 2. Kekurangan kandungan berstruktur berbanding kelimpahan sumber dalam talian kekurangan interaksi dan motivasi pelajar. |
|     |                                 |                  | 3. Kekurangan pengetahuan kandungan pedagogi pensyarah yang diperlukan untuk pengajaran dalam talian.                    |
|     |                                 |                  | 4. Kekurangan sokongan ibu bapa yang kerap bekerja dari jauh di ruang yang sama.                                         |
| 11. |                                 | pelajar          | 1. Motivasi pelajar telah berkurang semasa pembelajaran online                                                           |

|     |                                |         |                                                                                                                                                       |
|-----|--------------------------------|---------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
|     | Ismail dan Khalid (2022)       |         | 2. Pelajar mengulang kursus kerana gagal skor pembelajaran secara online                                                                              |
| 12. | Kuppan dan Mohamad Said (2022) | guru    | 1. Kekurangan peralatan teknologi menyebabkan pelajar di luar bandar tidak dapat menghadiri kelas atas talian.                                        |
|     |                                |         | 2. Tidak tahu jenis kaedah pembelajaran berkesan untuk pembelajaran secara online                                                                     |
| 13. | Md Jori (2022)                 | pelajar | 1. Para pensyarah perlu kaedah bersesuaian yang tepat bagi program teknologi automotif (kemahiran amali) untuk mengukur Keberkesanan pelaksanaan pdp. |
|     |                                |         | 2. Kehadiran murid dalam kelas tidak memberangsangkan                                                                                                 |
| 14. | Mohamed et al. (2022)          | guru    | 1. Masalah capaian internet khususnya di kawasan pedalaman                                                                                            |
|     |                                |         | 2. Kesediaan guru dalam mengaplikasi pembelajaran digital dalam PdPR.                                                                                 |
| 15. | Sidek dan Daman (2022)         | guru    | 1. Kesediaan guru melaksanakan aktiviti PdPr sangat rendah                                                                                            |
|     |                                |         | 2. Guru hilang focus dengan keadaan pelajar                                                                                                           |
|     |                                |         | 3. Ketidakstabilan Internet                                                                                                                           |
|     |                                |         | 4. Ketiadaan alat peranti komunikasi                                                                                                                  |
|     |                                |         | 5. Ibu bapa yang kurang memberi respons atau kerjasama                                                                                                |

|  |  |  |                                             |
|--|--|--|---------------------------------------------|
|  |  |  | 6. Masalah ketidakhadiran                   |
|  |  |  | 7. Gangguan luar dan dalam kepada pelajar   |
|  |  |  | 8. Guru tidak dapat kawal kehadiran pelajar |

## METODOLOGI

Kajian ini menggunakan reka bentuk deskriptif kuantitatif. Reka bentuk ini bertujuan untuk mengumpul maklumat mengenai sesuatu pembolehubah tanpa mempengaruhi persekitaran atau memanipulasi pembolehubah tersebut dan tidak bertujuan untuk mengkaji hubungan sebab dan akibat (Baker, 2017). Matlamat utama kajian deskriptif adalah untuk menerangkan dan menafsir keadaan semasa individu. Kajian tinjauan merupakan salah satu pendekatan dalam kajian deskriptif kuantitatif. Melalui kajian tinjauan, pengkaji berusaha menerangkan ciri-ciri sesuatu populasi dengan menggunakan soal selidik untuk mengumpul data mengenai sikap, pendapat, tingkah laku, pengalaman, atau ciri-ciri lain populasi tersebut (Creswell, 2005). Oleh itu, dalam kajian ini, reka bentuk deskriptif kuantitatif dengan pendekatan tinjauan melalui soal selidik dipilih untuk menjawab persoalan dan mencapai objektif penyelidikan ini.

Reka bentuk tinjauan melalui soal selidik digunakan untuk menilai pandangan guru terhadap tahap penerimaan pelajar sekolah menengah B40 di Perlis semasa pelaksanaan PdPr. Guru-guru sekolah menengah di Perlis dipilih sebagai sampel kajian kerana mereka merupakan pihak berkepentingan yang secara langsung mengamati dan menilai perkembangan pembelajaran pelajar B40 sepanjang PdPr berlangsung. Jumlah sampel yang dianggarkan adalah seramai 330 orang guru sekolah menengah dari 45 buah sekolah di Perlis ( $n=330$ ). Bagi memastikan setiap guru mempunyai peluang yang sama untuk terpilih, teknik pemilihan sampel secara rawak akan digunakan (Jusof & Hamza, 2020). Penentuan saiz sampel ini adalah berdasarkan panduan penentuan saiz sampel bagi kajian deskriptif kuantitatif oleh Kaur (2017) dan dikira menggunakan perisian dalam talian (Raosoft, n.d.). Saiz ini dianggap sesuai dengan populasi guru sekolah menengah di Perlis, yang berjumlah 2,330 orang, manakala unit analisis kajian ini ialah individu guru sekolah menengah (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2022).

Instrumen yang digunakan dalam kajian ini adalah satu set soal selidik yang dibangunkan untuk menilai pandangan guru sekolah menengah terhadap tahap penerimaan pelajar sekolah menengah B40 di Perlis semasa pelaksanaan PdPr. Instrumen ini diadaptasi daripada instrumen yang digunakan dalam kajian terdahulu oleh Mohd Amin dan Mohamad Nasri (2021). Soal selidik ini dibangunkan dalam format elektronik menggunakan platform *Google Form* dan akan diedarkan secara talian melalui email, *WhatsApp*, serta platform mediasosial lain. Tempoh edaran instrumen kepada responden dijangka berlangsung dari 13 Disember 2021 hingga 2 Januari 2022.

*Software Statistical Packages for the Social Sciences (SPSS)* versi 28.0 digunakan untuk menganalisis semua data yang telah dikumpulkan. Kaedah deskriptif dan inferensi digunakan dan semua dapatan yang telah dianalisis akan dipaparkan dalam bentuk jadual yang menunjukkan peratusan, frekuensi dan min. Dalam kajian ini, analisis deskriptif digunakan bagi menjawab objektif kajian. Analisis tahap pengukuran, skor min diukur berdasarkan pengukuran skor min dan interpretasi oleh Pallant (2007). Jadual 3 menunjukkan pengukuran tahap skor min oleh Pallant (2007) ini adalah berdasarkan kepada tiga tahap iaitu nilai skor min 1.00 hingga 2.33 adalah pada tahap rendah, nilai skor min 2.34 hingga 3.66 adalah pada tahap sederhana, dan nilai skor min 3.67 hingga 5.00 adalah pada tahap tinggi. Menurut Pallant (2007), skor min tiga tahap ini adalah lebih sesuai dan lebih mudah untuk melihat perbezaan tahap.

Jadual 3: Pengukuran tahap

| Skor min  | Interpretasi (tahap) |
|-----------|----------------------|
| Rendah    | 1.00 - 2.33          |
| Sederhana | 2.34 - 3.66          |
| Tinggi    | 3.67 - 5.00          |

Sumber: Pallant (2007)

## PERBINCANGAN DAN HASIL KAJIAN

Kajian ini diukur daripada aspek pandangan guru terhadap kekangan utama pelajar sekolah menengah B40 semasa pelajaran dan pembelajaran (PdPr). Kajian rintis telah dilakukan sebelum kajian sebenar dijalankan. Kajian rintis ini dilaksanakan terlebih dahulu kerana ia dapat menentukan kesahan dan kebolehpercayaan instrumen. Dalam kajian ini, kajian rintis dijalankan kepada 30 responden dalam kalangan guru di negeri Perlis yang dipilih secara rawak. Hasil kajian rintis yang telah dijalankan didapati nilai kebolehpercayaan keseluruhan item (9 items) ialah  $\alpha = 0.940$ . Menurut Hair et al. (2014), nilai pekali bagi *Cronbach Alpha* melebihi 0.70 adalah diterima bagi sesebuah kajian. Sekiranya melebihi 0.90 menunjukkan tahap kebolehpercayaan yang tinggi dan juga boleh digunakan untuk tujuan peringkat awal kajian rintis. Jadual 4 di bawah menunjukkan nilai kebolehpercayaan item bagi setiap pembolehubah dalam kajian ini.

Jadual 4: Hasil Kajian kebolehpercayaan mengikut pembolehubah.

| Objektif                                                                                                                                                                       | Nilai alpha | Hasil kajian rintis                                 |
|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-------------|-----------------------------------------------------|
| kekangan utama yang dialami oleh pelajar sekolah menengah B40 di negeri Perlis semasa pembelajaran secara pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPr) daripada pandangan guru. | 0.940       | >0.600- item mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi |

**Pandangan guru terhadap kekangan utama pelajar sekolah menengah B40 di negeri Perlis semasa pembelajaran secara pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPr)**

Jadual 5: Min pembolehubah

|        | Min  | Max  | Mean   | Std. Deviation |
|--------|------|------|--------|----------------|
| MEANKU | 1.89 | 4.00 | 2.8156 | .39740         |

Jadual 5 menunjukkan skormin bagi kekangan utama yang dialami oleh pelajar sekolah menengah B40 semasa proses pembelajaran secara pengajaran dan pembelajaran di rumah dalam talian (PdPr) di negeri Perlis. Berdasarkan jadual di atas, didapati semua

item berada pada tahap sederhana dan rendah serta nilai min keseluruhan adalah 2.81 iaitu berada pada tahap sederhana bagi kekangan utama yang dihadapi oleh pelajar sekolah menengah B40 menurut pandangan guru. Item 5 merupakan item paling tinggi nilai min iaitu 3.37 yang berada di tahap sederhana. Manakala item paling rendah nilai min iaitu 2.01 yang berada pada tahap rendah seperti di Jadual 6.

Jadual 6: Item kekangan utama yang dialami oleh pelajar sekolah menengah B40 di negeri Perlis semasa pembelajaran secara pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPr) daripada pandangan guru.

| CODE | DESKRIPSI                                                                                                                       | MEAN |
|------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|------|
| KU1  | Pelajar sekolah menengah B40 berkongsi alat peranti pembelajaran secara talian dengan ahli keluarga yang lain.                  | 3.32 |
| KU2  | Peranti yang digunakan oleh pelajar sekolah menengah B40 tidak dapat menyokong aplikasi yang digunakan semasa PdPr atas talian. | 2.77 |
| KU3  | Peranti yang digunakan oleh pelajar sekolah menengah B40 sering mengalami masalah.                                              | 2.84 |
| KU4  | Kebolehcapaian jaringan internet di lokasi pelajar sekolah menengah B40 adalah baik.                                            | 2.12 |
| KU5  | Kos internet yang tinggi.                                                                                                       | 3.37 |
| KU6  | Kualiti jaringan internet di lokasi pelajar sekolah menengah B40 adalah baik.                                                   | 2.01 |
| KU7  | Persekitaran rumah pelajar sekolah menengah B40 yang tidak kondusif untuk pembelajaran secara PdPr.                             | 3.12 |
| KU8  | Ahli keluarga yang lain mengganggu pelajar sekolah menengah B40 semasa PdPr atas talian.                                        | 2.88 |
| KU9  | Ibu bapa tidak memberikan motivasi kepada pelajar sekolah menengah B40 untuk mengikuti sesi PdPr atas talian.                   | 2.91 |

Kajian ini telah menunjukkan dapatan penggunaan digital dan capaian internet sangat rendah. Ini menunjukkan para guru berpandangan bahawa pelajar tidak mampu menyediakan peranti dan melanggan data internet yang kosnya agak tinggi seterusnya membataskan kehadiran pelajar ke kelas secara dalam talian. Kajian ini disokong oleh Shamsuddin & M. Nasri (2022) menunjukkan sebilangan kecil pelajar mampu menyediakan alat peranti elektronik yang bersesuaian bagi menjalankan PdPr. Menurut kajian oleh Talaat et al. (2020), kesukaran pelajar bagi mendapatkan gajet atau alat peranti bagi menjalani kelas secara dalam talian merupakan masalah utama yang dihadapi oleh para pelajar. Satu kenyataan akhbar oleh Bernama (2021) menyatakan isu utama pendidikan digital terutamanya pembelajaran dalam talian adalah berpunca daripada masalah capaian internet dan kekangan penyediaan alat peranti oleh pelajar. Sekiranya masalah ini tidak diatasi, terutamanya dengan situasi ekonomi golongan B40 yang telah memberi kesan terhadap ramai ibu bapa yang mereka perlu mementingkan wang belanja bagi membeli makanan dan barang dapur daripada membeli alat peranti elektronik yang harganya agak mahal. Ini disokong oleh responden yang menyatakan ibu bapa tidak memberikan motivasi kepada pelajar sekolah menengah B40 untuk mengikuti sesi PdPr dalam talian.

Begitu juga dengan keperluan internet yang perlu diperuntukkan wang tambahan bagi melanggan pakej internet. Aplikasi berbentuk video seperti *Google Meet*, *ZOOM* dan sebagainya tidak dapat ditampung dengan data internet sekiranya hanya melanggan pakej internet asas sahaja. Namun begitu, pelajar daripada kawasan luar bandar sering menghadapi masalah capaian internet yang mengganggu proses pembelajaran dalam talian mereka. Meskipun pihak Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) telah menaik taraf, tetapi usaha ini masih tidak dapat memenuhi hasrat pengguna bagi kawasan-kawasan terpeencil. Ini juga menyukarkan para pelajar walaupun memiliki alat peranti atau gajet, tetapi jika masalah capaian internet berterusan masih lemah, ia tidak akan dapat menyelesaikan masalah dan tidak mencapai objektif pembelajaran (Utusan Malaysia, Oktober 2021). Ini disokong oleh Tenh & Shahlan (2021) menyatakan bahawa salah satu cabaran yang menyumbang kepada masalah ketidakhadiran pelajar dalam pembelajaran dalam talian adalah masalah capaian internet.

## KESIMPULAN

Kajian ini telah menjelaskan tahap kekangan utama dalam pendidikan digital yang dihadapi oleh pelajar B40 sekolah menengah menurut pandangan guru di negeri Perlis. Secara keseluruhannya, masalah capaian internet dan ketiadaan alat peranti elektronik bagi proses pembelajaran dalam talian merupakan kekangan utama yang membataskan penglibatan para pelajar untuk ke kelas secara digital. Walaupun pelbagai strategi diperkenalkan bagi pengukuhan penguasaan digital dalam pengajaran dan pembelajaran kepada pelajar, sekiranya masalah capaian internet dan penyediaan alat peranti seperti telefon, *tablet* dan pendidikan tidak disediakan, isu ini tidak dapat diselesaikan dan akan berterusan. Kajian ini berpotensi untuk memperkasakan pendidikan digital melalui pendidikan wakaf tunai bagi memberi bantuan alat peranti elektronik kepada pelajar B40. Wakaf tunai merupakan mekanisme penajaan dana yang pantas dan berkesan sama ada dalam keadaan tenang mahupun darurat (Ab Rahman et al., 2020).

Sehubungan itu, pihak Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) adalah pemegang pendidikan wakaf bagi semua harta wakaf dan bertanggungjawab dalam mentadbir semua harta wakaf termasuklah wakaf tunai sebagaimana yang termaktub dalam Akta, Ordinan atau Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri dan Enakmen Wakaf Negeri-negeri. Justeru itu, Majlis Agama dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs) khususnya boleh memainkan peranan dalam melihat sejauh mana pelaksanaan dana wakaf tunai pendidikan digital kepada pelajar sekolah menengah B40 di Perlis. Hasil kajian ini juga telah mencadangkan suatu kajian baru pada masa hadapan yang memerlukan pendidikan strategik antara pihak MAIPs, KPM dan SKMM untuk memastikan pelajar B40 yang memerlukan bantuan alat peranti elektronik dapat menikmati manfaat dan dapat mengikuti pengajaran dan pembelajaran digital dengan lebih baik. Impaknya, melalui wakaf tunai pendidikan digital dapat mengurangkan beban pelajar serta dapat melahirkan pelajar yang cemerlang dan berdaya saing di era global kini.

## PENGHARGAAN

Penyelidikan ini telah disokong oleh Skim Geran Jangka Masa Pendek (STG - 064).

## RUJUKAN

Ab Rahman, A. (2009). Peranan wakaf dalam pembangunan ekonomi umat Islam dan aplikasinya di Malaysia.

Ab Rahman, M. F., Abdullah Thaidi, H. A., Ab Rahman, A., & Ab Rahim, S. F. (2020). Peranan Wakaf Dalam Mendepani Pendemik Covid-19. *Journal of Fatwa Management and Research*, 49-64.  
<https://doi.org/10.33102/jfatwa.vol22no1.323>

Abdul Rahim, A. K., Ahmad Razimi, M. S., Mohd Nor, M. M., & Hashim, H. (2015). Konsep wakaf tunai dari perspektif shariah dan amalanannya di Malaysia.

Abdul Rashid, M. H., & binti Narowi, M. (2021). Keberkesanan Pengajaran Dan Pembelajaran Terhadap

Mata Pelajaran Pendidikan Islam Secara Dalam Talian: Perspektif Guru Di Sekolah Maahad Hafiz, Klang: The Effectiveness of Online Teaching and Learning in Islamic Education Subjects: Teachers' Perspectives at Maahad Hafiz Klang. *Ma'ālim al-Qur'ān wa al-Sunnah*, 17, 114-128.

Abdul Razak, D., Amin, H., & Zuhaimi, A. Z. (2021). Factors influencing Intention on Use of Cash Waqf as an Aid in Time of Covid-19 in Malaysia. *South East Asia Journal of Contemporary Business, Economics and Law*, 24(3), 1-8.  
<https://seajbel.com/wp-content/uploads/2021/04/SEAJBEL24-04.pdf>

Abdullah, N. A., & Amran, M. S. (2021). Perspektif Guru Terhadap Penglibatan Murid Dalam Pengajaran

Dan Pembelajaran Secara Atas Talian Semasa Pandemik Covid-19 di Malaysia. *International Journal of Advanced Research in Islamic Studies and Education (ARISE)*, 1(4), 32-39.

Afriyanti, I., Wardono, W., & Kartono, K. (2018). Pengembangan Literasi Matematika Mengacu PISA Melalui Pembelajaran Abad Ke-21 Berbasis Teknologi. In *PRISMA, Prosiding Seminar Nasional Matematika* (Vol. 1, pp. 608-617).

Ahmad, S. H. A., Yusof, S. M., Meri, A., & Modili, C. (2021). Isu Dan Pendefinisian Semula Digital

Poverty Dalam Pengajaran, Pembelajaran Dan Penyeliaan (Ppdp) Secara Atas Talian: Issues and The Redefinition Of “Digital Poverty” In Online Teaching, Learning And Supervision (TLS). *Jurnal Komunikasi Borneo (JKoB)*, 9, 104-113.

Ajmal, M., & Ahmad, S. (2019). Exploration of Anxiety Factors among Students of Distance Learning: A Case Study of Allama Iqbal Open University. *Bulletin of Education and Research*, 41(2), 67-78.

Aldeen, K. N., Ratih, I. S., & Herianingrum, S. (2020). Contemporary issues on cash waqf: A review of the literature. *International Journal of Islamic Economics and Finance (IJIEF)*, 3(2), 119-144.

Aldeen, K. N., Ratih, I. S., & Herianingrum, S. (2024). The potential of digital cash waqf for social-economic development in Southeast Asia. *Management and Accounting Review*, 23(1), 102-120.

Aliyu, M. (2019). The role of cash waqf in poverty alleviation: Case studies from Indonesia. *Journal of Islamic Social Finance*, 11(3), 150-165.

Anwar, I. F., Dali, N. R. S. M., Shukor, S. A., & Nazri, M. A. (2020). Pandemik Covid-19Covid-19: Wakaf Sebagai Alternatif Penyelesaian Kepada Malaysia.

Asni, F. A. H. M., & Sulong, J. (2017). Wakaf tunai dan aplikasinya dalam undang-undang di negara ASEAN: Cash waqf and its application in ASEAN Countries' Laws. *Jurnal Syariah*, 25(2), 217-246.

Asri, A., Aqbar, K., & Iskandar, A. (2020). Hukum dan Urgensi Wakaf Tunai dalam Tinjauan Fikih. *BUSTANUL FUQAHA: Jurnal Bidang Hukum Islam*, 1(1), 79-92.

- Azri Ahmad, (2009). Pelaksanaan Skim Wakaf Tunai oleh Yayasan Wakaf Malaysia, Jurnal Pengurusan JAWHAR, Vol. 2, No. 2, 2009. KL : Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji.
- Azri Ahmad. (2008). Pelaksanaan skim wakaf tunai oleh Yayasan Wakaf Malaysia. Jurnal Pengurusan Jabatan JAWHAR 2(2): 88-97
- Baker, C. (2017). Quantitative research designs: Experimental, quasi-experimental, and descriptive. *Evidence-based practice: An integrative approach to research, administration, and practice*, 155-183.
- Cahyono, A., & Hidayat, A. (2022). Waqf for community development: Lessons from Islamic social finance. *Journal of Islamic Economics and Finance*, 9(2), 124-135.
- Chear, S. L. S., & Yunus, M. M. (2019). Strategi penerapan kemahiran abad ke-21 dalam latihan guru prasekolah. *Southeast Asia Early Childhood Journal*, 8(1), 1-10.
- Cheung, W. S., & Hew, K. F. (2004). Evaluating the extent of ill-structured problem solving process among pre-service teachers in an asynchronous online discussion and reflection log learning environment. *Journal of Educational Computing Research*, 30(3), 197-227.
- Chukwuemeka, E. J., Dominic, S., & Kareem, M. A. (2020). Redesigning Educational Delivery Systems: The Needs and Options for Continuous Learning during the Coronavirus (COVID-19) Pandemic in Nigeria Redesigning Educational Delivery Systems : The Needs and Options for Continuous Learning during the Coronavirus. December. <https://doi.org/https://doi.org/10.30935/cedtech/XXXX>
- Creswell, J. W. (2005). *Educational research: Planning, conducting, and evaluating quantitative and qualitative research* (2nd ed.). Pearson Education.
- Daud, M. Z., Hussin, M. N. M., & Mohamad, S. A. M. S. (2023). Pembangunan Tamadun melalui Wakaf

- Keluarga: Analisis dari Perspektif Sejarah Islam: Civilizational Development through Family Waqf: An Analysis from Islamic Historical Perspectives. *Journal of Al-Tamaddun*, 18(2), 71-86.
- De Giusti, A. (2020). Policy Brief: Education during COVID-19 and beyond. *Revista Iberoamericana de Tecnología En Educación y Educación En Tecnología*, 26, e12. <https://doi.org/10.24215/18509959.26.e12>
- Dong, C., Cao, S., & Li, H. (2020). Young Children's Online Learning During COVID-19 Pandemic: Chinese Parents' Beliefs and Attitudes. *Children and Youth Services Review*, 118, 105440.
- Faiz Zuarimi, M. A., & Muhamad, T. A. (2022). Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (Pdpr) Sepanjang Covid-19 Serta Keberkesanannya Terhadap Pelajar. *Jurnal Teknikal Dan Sains Sosial*, 15(1). [https://myjurnal.mohe.gov.my/public/issue-view.php?id=16687&journal\\_id=1041](https://myjurnal.mohe.gov.my/public/issue-view.php?id=16687&journal_id=1041)
- Fong Peng, C., & Jamaludin, Z. (2022). Kesiediaan, Motivasi dan Kepuasan Pelajar Tingkatan 1 dalam pembelajaran Komsas Secara dalam Talian. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 12(1), 29-39. <https://spaj.ukm.my/jpbm/index.php/jpbm/article/view/302>
- Free Malaysia Today (September 21-2021). 51% murid sekolah rasa tertekan dengan PdPR, kata KPM. FMT Reporters. <https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2021/09/21/51-murid-sekolah-rasa-tertekan-dengan-pdpr-kata-kpm/>.
- Hair, J.F., Hult, G.T.M., Ringle, C.M. and Sarstedt, M. (2014), A Primer on Partial Least Squares.
- Tawyer, H., Nur, H. M., & Ab Rashid, A. H. (2021). Pengajaran dan pembelajaran norma baharu

dalam kalangan pelajar Kolej Komuniti Malaysia [Teaching and learning new norms among Malaysian Community College students]. *QALAM International Journal of Islamic and Humanities Research*, 1(4), 26-37.

Hazizul Hasan, M., Jahidin, A. H., & Zakaria, Y. (2022). Student Perspective on Distance Online

Learning Experience during The Covid-19 Pandemic in Undergraduate Pharmacy Program in Uitm: Pharmacology of Cns Drugs. *International Journal on e-Learning and Higher Education*, 17(1), 25-45.  
<https://myjurnal.mohe.gov.my/public/article-view.php?id=174685>

Hodges, C. B., Moore, S., Lockee, B. B., Trust, T., & Bond, M. A. (2020). The difference between emergency remote teaching and online learning.internet terhadap kesediaan pelajar mengikuti Pdpr semasa penularan pandemic covid-19.

<https://e-penerbitan.jawhar.gov.my/jurnal-pengurusan-jawhar-vol-3-no-1-2009/>

[https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/11/757190/17-juta-pelajar-hadapi-miskin-digital#google\\_vignette](https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/11/757190/17-juta-pelajar-hadapi-miskin-digital#google_vignette)

Hung, M. L., Chou, C., Chen, C. H., & Own, Z. Y. (2010). Learner Readiness For Online

Learning: Scale Development And Student Perceptions. *Computers & Education*, 55(3), 1080-1090.

Hussin, H., Amran, N. N., Rahman, N. F. A., Ismail, A., & Zakaria, Z. (2021). Amalan pentaksiran alternatif dalam program pengajian Islam di Universiti Kebangsaan Malaysia dalam mendepani cabaran pandemik COVID-19. *Islamiyyat*, 43(1), 3-14. *International Journal of Islamic and Humanities Research*. 26-37

Ismail, N., & Khalid, M. K. A. (2022). Assessing Student Motivation in Macroeconomics Course During

- Teaching and Learning from Home. GADING (Online) Journal for Social Sciences, Universiti Teknologi MARA Cawangan Pahang, 25(1), 11-18.  
<https://ir.uitm.edu.my/id/eprint/67002/1/67002.pdf>
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2022, February). Statistik Subnasional Negeri Perlis. In *Jabatan Perangkaan Malaysia* (ISBN 978-967-2000-88-4).  
<https://www.dosm.gov.my>
- Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (2009). Jabatan Perdana Menteri, PUTRAJAYA.
- Joshi, A., Vinay, M., & Bhaskar, P. (2021). Impact of Coronavirus Pandemic on the Indian Education sector: Perspectives of Teachers on Online Teaching and Assessments. *Interactive Technology and Smart Education*, 18 (2), 205-226.  
<https://doi.org/10.1108/ITSE-06-2020-0087>
- Jurnal Dunia Pendidikan, e-ISSN: 2682-826X/Vol. 4 No. 1, 70-76 Jurnal Syariah, 17(1), 113-152.
- Jusof, N., & Hamzah, M. I. (2020). Kemahiran Guru Pendidikan Islam Di Sekolah Rendah Terhadap Pelaksanaan Pengajaran Berpusatkan Murid: Satu Analisa. *International Journal of Education and Pedagogy*, 2(3), 1-26.
- Kamaruddin, N., & Amir, R. (2021). Kesiediaan Guru Terhadap Pembelajaran dan Pengajaran di Rumah Dalam Mendepani Norma Baharu. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3(3), 308-319.  
<https://myjms.mohe.gov.my/index.php/jdpd/article/view/15721/8143>
- Kaur, S. (2017). Review article sample size determination (for descriptive studies). *International Journal of Current Research*, 2(3), 48365-48367.  
<https://www.journalcra.com/article/sample-size-determination-descriptive-studies>

Kuppan, K. A., & Mohamad Said, M. N. H. (2022). Kajian Berkaitan Pedagogi Guru-guru SJK (T) Daerah

Segamat Dalam Pelaksanaan PdPR. *Innovative Teaching and Learning Journal*, 6(1), 72–84. <https://itlj.utm.my/index.php/itlj/article/view/86/77>

Machin, D., Campbell, M. J., Tan, S. B., & Tan, S. H. (2018, August 20). *Sample Sizes for Clinical, Laboratory and Epidemiology Studies* (4th ed.). Wiley-Blackwell.

Maisarah Sheikh Rahim (18 Februari 2021). 1.85 juta pelajar tiada peranti belajar secara dalam talian.

<https://www.utusan.com.my/berita/2021/02/1-85-juta-pelajar-tiada-peranti-belajar-secara-dalam-talian/>

Mamat, S. (2020). Aplikasi Google Meet Dalam Program 3c Bagi Meningkatkan Motivasi

Pelajar Tingkatan 5. *Proceedings of International Conference on Global Education VIII*, hlm. 140-150.

Masalah internet lemah terus berlaruta. 20 oktober 2021

<https://www.utusan.com.my/terkini/2021/10/masalah-internet-lemah-terus-berlarutan/>

Md Jori, M. H. (2022). Pembelajaran Secara dalam Talian Melalui Aplikasi Telegram: Tinjauan Terhadap

Persepsi Pelajar dan Juga Halangan. *JAUHARI*, IV, 150–158.

Mohamad Ika Danial ‘Abdullah (2021). Kemiskinan Digital Halang Pendidikan Berkualiti. 15 Februari

2021, <https://www.bernama.com/bm/tintaminda/news.php?id=1931493>

Mohamed, H. (2022). Implementasi Pengajaran Dan Pembelajaran di Rumah Dalam Norma Baharu:

- Persepsi Guru. Asean Journal of Teaching and Learning in Higher Education, 14(2), 80–94. <https://doi.org/10.17576/ajtlhe.1402.2022.06>
- Mohd Amin, N. A., & Mohamad Nasri, N. (2021). Kajian Tinjauan Persepsi Murid Sekolah Menengah Terhadap Pembelajaran Dalam Talian Semasa Pandemik Covid-19. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3(2), 344–361. <http://myjms.mohe.gov.my/index.php/jdpd>
- Mohsin, M. (2014). Cash waqf and its role in Islamic finance. *International Journal of Islamic Economics*, 8(1), 45-58.
- Mohsin, M. I. A. (2009). Cash Waqf: A New Financial Product. Petaling Jaya: Prentice Hall.
- Muhamad Don, M. A. (2016). Peranan Wakaf untuk Pembangunan Pendidikan Tinggi; Sejarah Silam dan Pelaksanaan di Malaysia. *E-Journal of Arabic Studies & Islamic Civilization*, 3, 41–47.
- Muhamad Don, M. A. (Ed.). (2015). *Wakaf Sebagai Alternatif Pembiayaan Pendidikan Tinggi*. ICOMHAC2015 eproceedings.
- Muhamad Firdaus Ab Rahmani, Hussein Azeemi Abdullah Thaidiii , Azman Ab Rahmaniii & Siti Farahiyah Ab Rahim (2020). Peranan wakaf dalam mendepani pendemik Covid-19Covid-19. ISSN: 2232-1047 Journal of Fatwa Management and Research.
- Mustaffa, Z., Hussin, Z., & Sulaiman, A. M. (2021). Pedagogi Terbeza untuk pengajaran guru terhadap kepelbagaian murid. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 6(9), 202-214.
- Pallant, J. (2007). SPSS survival manual—A step by step guide to data analysis using SPSS for windows

(3rd ed.). Maidenhead: Open University Press. Pembelajaran Norma Baharu Dalam Kalangan Pelajar Kolej Komuniti Malaysia.

Pratama, Y., Ratih, I. S., & Herianingrum, S. (2023). The role of cash waqf in sustainable development goals (SDGs): A case study in Indonesia. *International Journal of Islamic Economics and Finance*, 3(2), 95-118.

Pulong, L., & Awang, M. M. (2023). Strategi Pilihan Untuk Menggalakkan Penglibatan Murid dalam

Pembelajaran Secara Atas Talian. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 8(4), e002250-e002250.

Rahman, A. (2018). The impact of fatwa on cash waqf implementation in Malaysia. *Journal of Islamic Studies*, 6(3), 58-70.

Rajak, M. a. A., Nasrullah, A. A., Lasaraiya, S., & Bakri, S. N. S. (2021). Preliminary Study on Pre-

University Students' Readiness for Online Teaching and Learning at Home (PdPR): An Assessment in Internet Accessibility. *Journal of Information System and Technology Management*, 6(23), 136-146.

<https://doi.org/10.35631/jistm.623012>

S Mertler, C. A. (2014). *Action Research: Improving Schools and Empowering Educators* (4th ed.). SAGE Publications, Inc.

Saadiah Ismail.(Mei 7, 2021) PdPR perlu dikaji semula.

<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/05/814717/pdpr-perlu-dikaji-semula-nutp>

Sah Alam, S. N., Hassan, M.S., Sultan Mohideen, R., Ramlan, A.F., & Mohd Kamal, R. (2020).

Online Distance Learning Readiness During Covid-19 Outbreak Among Undergraduate Students. *International Journal of Academic Research in*

*Business*

&amp;

*Social Sciences*, 10(5): 642-657.

Saleh, M. N. (2019). *Berijazah Secara PJJ Di Malaysia Peluang, Cabaran, Ciri dan Gaya Pembelajaran Pelajar, dan Strategi Kejayaan (Penerbit USM)*. Penerbit USM.

*Sample Size Calculator by Raosoft, Inc.* (n.d.). Retrieved October 5, 2022, from <http://www.raosoft.com/samplesize.html>

Sapian, N. A., Mahamod, Z., & Mahad, I. (2021). Penglibatan Murid-Murid Sekolah Kebangsaan di

Kawasan Bandar Dalam Pembelajaran Bahasa Melayu dalam Talian Daripada Persepsi Guru Bahasa Melayu. *PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature*, 12(2), 80-97.  
<https://doi.org/10.37134/pendeta.vol12.2.7.2021>

Sekolah terkesan banjir, jadi PPS teruskan pembelajaran secara PdPr-Kementerian Pendidikan Malaysia. 22 September, 2024  
<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/09/1301465/sekolah-terkesan-banjir-jadi-pps-teruskan-pembelajaran-secara-pdpr>.

Shamsuddin, N. F., & Nasri, N. M. (2022). Kajian Tinjauan Penggunaan Jenis Peranti dan Status Capaian Internet Terhadap Kesiediaan Pelajar Mengikuti PdPR Semasa Penularan Pandemik Covid-19. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 4(1), 70-76.

Sidek, R., & Daman, B. (2022). Pelaksanaan PBD Dalam PDPR: Suatu Cabaran Buat Guru. *Jurnal*

*Penyelidikan Dedikasi*, 20(1), 1-21.  
<https://myjms.mohe.gov.my/index.php/id/article/view/20871/11250>

Sinar harian PdPR hanya dilaksana apabila sekolah ditutup, bacaan IPU lebih 200 3 oktober 2023  
<https://www.sinarharian.com.my/article/282292/berita/nasional/pdpr-hanya-dilaksana-apabila-sekolah-ditutup-bacaan-ipu-lebih-200>

Siswantoro, D., & Dewi, M. (2007). Waqf practices in Indonesia: The emergence of cash waqf. *Indonesian Journal of Islamic Economics*, 4(1), 23-34.

Siti Nor Afeeqah & Mohd Jasmy. (2017). Aplikasi Telegram sebagai media pembelajaran interaktif secara global. *International Conference on Global Education V "Global Education, Common Wealth, and Cultural Diversity"* Universitas Ekasakti, Padang, 10-11 April 2017.

Siti Nor Afeeqah & Mohd Jasmy. (2017). Aplikasi Telegram sebagai media pembelajaran interaktif secara global. *International Conference on Global Education V "Global Education, Common Wealth, and Cultural Diversity"* Universitas Ekasakti, Padang, 10-11 April 2017. Structural Equation Modeling, Sage, Thousand Oaks, CA.

Sulaiman, M., Rahman, A., & Mohsin, M. (2019). Risk management in cash waqf: A study of Malaysian institutions. *Journal of Islamic Finance*, 5(2), 77-88.

Talaat, A. Z. M. A., Ishak, A. A., & Rosli, R. M. (2020). Medium Pembelajaran Sokongan: Kesediaan

Pelajar Diploma Pengurusan Logistik dan Rangkaian Bekalan terhadap Penggunaan Aplikasi iHUB. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 2(4), 54-67.

Tawyer, H., Mohamad Nur, H., & Ab Rashid, A. H. (2021). Pengajaran dan Pembelajaran Norma Baharu

dalam Kalangan Pelajar Kolej Komuniti Malaysia [Teaching and Learning New Norms Among Malaysian Community College Students]. *QALAM International Journal of Islamic and Humanities Research*, 1(4), 26-37.  
<https://nunjournal.com/index.php/qalam/article/view/38>

Tenh, C.H. & Shahlan Surat. 2021. Ibu Bapa Terhadap Pembelajaran Atas Talian Berdasarkan Tahap Kepuasan Dan Halangan Yang Dihadapi. *International*

Journal of Advanced Research in Islamic Studies and Education (ARISE) 1(4): 1-15.

Yahaya, M., Hanafiah, R., Zakaria, N. S., Osman, R., & Bahrin, K. A. (2020). Amalan Pembelajaran Abad Ke-21 (PAK21) Dalam Pengajaran Dan Pemudahcaraan (PdPc) Guru-Guru Sekolah Rendah. *Jurnal IPDA*, 26(1), 13-24.

Yusup, H. (2012). Penggunaan e-Pembelajaran dalam Pengajaran dan Pembelajaran yang Berkesan (Doctoral dissertation, Asia e University).

Zakaria, M. S., & Muda, M. Z. (2017). Sorotan literatur pelaksanaan wakaf tunai di Malaysia. *Islamiyyat*, 39(1), 39-46.

Zhu, M., Bonk, C. J., & Sari, A. R. (2018). Instructor Experiences Designing MOOCs in Higher Education: Pedagogical, Resource, and Logistical Considerations and Challenges. *online learning*, 22 (4), 203-24

